



## MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (No.Syarikat

201001019176( 902884-V))

(Dahulu di kenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)  
(Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan)

### KENYATAAN PERMOHONAN SEBUTHARGA (RFQ)

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa bakal Pemohon untuk mengambil bahagian didalam RFQ di bawah ini bagi perkhidmatan seperti yang dinyatakan didalam jadual dibawah:

TAJUK RFQ DAN NOMBOR RFQ	SYARAT-SYARAT RFQ	PENDAFTARAN RFQ
<p><b>PERMOHONAN SEBUTHARGA (RFQ) UNTUK MEMBEKAL DAN MEMASANG KAMERA PAPAN PEMUKA UNTUK KENDERAAN SYARIKAT MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</b></p> <p>(NO RFQ: GEN-MRTC-GENE-OVPR-RFQ-000002)</p>	<p><b>Memiliki sijil pendaftaran dengan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</li><li>2) Alamat pendaftaran syarikat dengan SSM tersebut mestilah di kawasan Kuala Lumpur atau Selangor sahaja.</li></ol>	<p>Semua Pemohon dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian di salah satu pautan dibawah:-</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Laman Web MRT Corp <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a> ;</li><li>2. Mengimbas Kod QR yang disediakan.</li></ol> <div data-bbox="1043 1021 1273 1256" style="text-align: center;"></div> <p>Pendaftaran akan bermula pada hari <b>13 Oktober 2025 sehingga 21 Oktober 2025</b>. Dokumen RFQ akan diberikan melalui e-mel setelah pendaftaran anda diluluskan.</p>

#### Nota:

1. Dokumen RFQ akan diberikan kepada Pemohon yang memenuhi syarat-syarat RFQ tanpa sebarang bayaran melalui alamat e-mel yang didaftarkan.
2. Penyertaan melalui syarikat Usahasama/Konsortium adalah tidak dibenarkan.
3. Pemohon hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) penyertaan RFQ sahaja.
4. Tarikh serahan bagi dokumen tender adalah pada **Khamis, 23 Oktober 2025 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Pemohon lewat menyerahkan dokumen tender tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.
5. MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen RFQ daripada mana-mana Pemohon tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Pemohon mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Pemohon terhadap penolakan serahan dokumen RFQ tersebut.
6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFQ ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my). Pemohon boleh melayari laman web kami di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my) untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.